

Flex Physiotherapy

Exercise is Medicine! (KT 042707- X)

Flex Physiotherapy,
PT 1572, Jalan Wakaf Che Yeh,
Taman Iman Jaya 11, Wakaf Che Yeh,
15150 Kota Bharu,
Kelantan

No. Rujukan: FP1035/2023

Tarikh: 23 Ogos 2023

Wan Niadiana Najiha binti Wan Azmi

Cik,

PER: SURAT TAWARAN PERKHIDMATAN SEBAGAI FISIOTERAPIS FLEX PHYSIOTHERAPY

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa Cik telah ditawarkan jawatan sebagai Fisioterapis (jurupulih anggota) di Flex Physiotherapy Kuantan tertakluk kepada terma-terma seperti berikut:-

1. Pelantikan Cik akan berkuatkuasa dari tarikh anda mula bekerja. Cik dikehendaki menjalankan tugas sebagai Fisioterapis di alamat Fisioterapis di Flex Physiotherapy yang bertempat di alamat B98, Ground Floor, Jalan Bukit Ubi, 25000, Kuantan, Pahang tertakluk kepada arahan lanjut daripada pihak pengurusan.
2. Bermulanya hari kemasukan anda pada **25 Ogos 2023**, anda dikehendaki menjalani sesi latihan dan culture asimilation selama **14 hari bekerja**. Tarikh latihan tersebut bermula **25 Ogos 2023 sehingga 07 September 2023**. Bayaran bagi tempoh latihan adalah RM 40/hari dan tidak termasuk hari tidak bekerja. Bayaran latihan akan dibayar bersama dengan pendapatan pada bulan tersebut. Tarikh kemasukan ini adalah muktamad atas persetujuan kedua-dua pihak.
3. Sepanjang tempoh latihan 14 hari, anda akan mengikuti sesi latihan seperti berikut:

i) Training fisio

Closing Pakej Rawatan
Closing Rehab
Flow Pesakit (Sebelum,Semasa,Selepas)
Niagawan
Borang Assessment & 3p
Manual Therapy
Electrotherapy & All Rehab Items
Live (Buat Dgn Fisio Lain)
Guna mesin ghl (cara pembayaran kad debit/kad kredit/e-wallet)

ii) Budaya di tempat kerja dan bersama pesakit

iii) Mastery teknik rawatan

4. Tempoh percubaan adalah selama **enam (6) bulan** bermula dari tarikh selesai latihan iaitu **08 September 2023** sehingga **08 Mac 2024**. Pada akhir tempoh percubaan, pihak pengurusan mempunyai budi bicara untuk mengesahkan jawatan Cik sama ada kurang dari **enam (6) bulan** jika pencapaian Encik memuaskan atau menyambung tempoh percubaan atau menamatkan perkhidmatan Cik di atas sebab-sebab tertentu.

5. Syarikat akan membuat caruman kepada tabung Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengikut arahan kerajaan 11% daripada gaji pokok pekerja dan 13% daripada pihak syarikat.

6. Syarikat akan membuat pencaruman dan pemotongan gaji untuk membayar SOCSO dan Sistem Insurans Pekerja (SIP) mana-mana jawatan yang perlu mengikut kadar dan jumlah pendapatan Cik.

7. Waktu bekerja Cik adalah seperti berikut :-

Waktu operasi : 9.00 pagi-6.00 petang
: 8.00 pagi-5.00 petang (bulan Ramadhan)
Ahad : 9.00 pagi – 2.00 petang
Cuti : Sehari seminggu (pilih antara Isnin – Jumaat)
(Waktu rehat dan makan tengahari ialah 1.00 tengahari-2.00 petang)

Cik hendaklah melaporkan diri pada masa yang ditetapkan setiap hari dan hendaklah berada di pejabat pada waktu yang ditetapkan kecuali Cik mendapat kebenaran dari pihak pengurusan syarikat.

Sebagai Fisioterapis, Cik dikehendaki bertugas di luar centre iaitu ke rumah pesakit (housecall) dan perlu menggunakan kenderaan (kereta) sendiri bagi memastikan keselamatan anda.

8. Cik hendaklah melapor dan menerima arahan daripada pihak pengurusan atau mana-mana individu yang diarahkan oleh pihak pengurusan dari masa ke semasa.

9. Bidang pekerjaan sebagai Fisioterapis adalah seperti berikut :-

Fisioterapis (jurupulih anggota)
Tugas utama: Merawat pesakit lelaki dan perempuan di klinik (centre) atau ke rumah pesakit (housecall)

10. Sepanjang tempoh percubaan, tiada cuti tahunan diperuntukkan. Jika Cik mahu mengambil cuti, Cik perlu menggantikan cuti Cik dengan time off pada hari khamis atau hari tidak bekerja. Cuti sakit hendaklah disertakan dengan sijil sakit dari klinik kerajaan atau klinik yang dibenarkan oleh pihak pengurusan sahaja. Segala kos rawatan dan perubatan akan ditanggung oleh pekerja sendiri.

11. Pekerja akan diberi tuntutan kos rawatan, setiap empat (4) bulan sekali sebanyak RM 150.

12. Berikut adalah gaji yang ditawarkan kepada anda:-

6 bulan percubaan:	RM 1700 + 70% caj pengangkutan + komisyen jualan barangan rehab + komisyen closed pakej B & C + komisyen hujung minggu
Setelah disahkan jawatan:	RM 1800 + 70% caj pengangkutan + komisyen rawatan per sesi + komisyen jualan barangan rehab + komisyen closed pakej B + C + komisyen hujung minggu

Kenaikan gaji adalah RM50 setiap tahun dan akan dikira bermula dari tarikh kemasukan bekerja.

13. Tempoh notis penamatan perkhidmatan dalam tempoh percubaan atau setelah disahkan jawatan adalah selama tiga (3) bulan secara bertulis. Sekiranya mana-mana pihak gagal memberikan notis seperti tersebut, pihak yang gagal hendaklah membayar jumlah yang bersamaan tiga (3) bulan gaji kepada pihak syarikat.

14. Sepanjang tempoh perkhidmatan dan selepas daripadanya Cik tidak dibenarkan sama sekali mendedahkan apa-apa maklumat berkaitan pihak pengurusan dan pusat kepada mana-mana pihak ketiga.
15. Untuk membantu Cik menjalankan perkhidmatan dengan efisien, komited dan penuh integriti, Cik dikehendaki menghadiri sesi-sesi latihan yang akan diadakan oleh pihak pengurusan di mana- mana lokasi yang sesuai secara atas talian/bersemuka mengikut arahan pihak pengurusan.
16. Bersedia untuk berpindah ke cawangan lain sekiranya mendapat arahan pertukaran Cawangan dari pihak pengurusan.
17. Anda juga perlu bersedia untuk melakukan kerja-kerja tambahan dari semasa ke semasa.
18. Anda perlu memaklumkan kepada pihak pengurusan sekiranya anda ada masalah kesihatan yang memerlukan temujanji bersama doktor di klinik atau hospital secara kerap samada seminggu sekali, sebulan sekali dan sebagainya.
19. Cuti tahunan yang diperuntukkan kepada Cik selepas disahkan jawatan adalah:-

TEMPOH KHIDMAT	CUTI TAHUNAN DIPERUNTUKKAN
Kurang dari dua tahun	8 hari
2-5 tahun	12 hari
5 tahun ke atas	16 hari

19. Cuti sakit diberikan kepada anda adalah:-


TEMPOH KHIDMAT	CUTI SAKIT YANG DIPERUNTUKKAN
Kurang dari dua tahun	14 hari
2-5 tahun	18 hari
5 tahun ke atas	22 hari

Sekiranya Cik bersetuju menerima perlantikan mengikut terma-terma di atas , sila nyatakan persetujuan Cik dengan menandatangani slip penerimaan tawaran di hujung surat ini

Penerimaan tawaran perkhidmatan sebagai Fisioterapis di Flex Physiotherapy Kuantan

Saya, (Wan Niadiana Najiha bt Wan Azmi) (No K/P: 000313-03-0842) menerima tawaran bertarih surat dikeluarkan dan bersetuju untuk menurut segala terma-terma di dalam tawaran tersebut.

Ditandatangani oleh,



.....
Nama: Wan Niadiana Najiha bt Wan Azmi
No K/P: 000313-03-0842

Sk Nurin Syakirah binti Mohd Zawawi (Pengurus Sumber Manusia)